

28 JUL 2000

Tebusan-Mahathir

TEBUSAN UCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PERDANA MENTERI

TAWAU, 28 Julai (Bernama) -- Enam rakyat Malaysia yang telah dibebaskan oleh penculik bersenjata di Jolo, Filipina, hari ini merakamkan penghargaan mereka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana begitu prihatin terhadap nasib mereka.

Renjer Jabatan Hidupan Liar Sabah, Francis Masangkim, yang bercakap mewakili rakan-rakannya berkata mereka juga amat berterima kasih atas kesudian Perdana Menteri bertemu mereka dan anggota keluarga di Kota Kinabalu malam tadi.

"Saya bagi pihak rakan-rakan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri serta kepada kerajaan Malaysia yang bukan sahaja memberi perhatian terhadap kami ketika masih berada dalam tahanan, tetapi juga telah membantu keluarga kami sepanjang tempoh itu," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Francis, 34, dan dua lagi rakannya juruselam Vincent Kwong, 40, pembantu tukang masak Lee Hock Leong, 20, tiba di sini petang ini untuk kembali ke kediaman masing-masing.

Francis menetap tidak jauh dari bandar ini manakala Vincent dan Lee menetap di Semporna, kira-kira 90 minit perjalanan berkenderaan dari sini.

Seorang lagi bekas tebusan, Baln Krishnan Nair, 34, kakitangan Jabatan Hidupan Liar Sabah, turut kembali ke kediamannya di Putatan, tidak jauh dari Kota Kinabalu hari ini.

Ini adalah kali pertama mereka kembali ke kediaman masing-masing sejak kembali ke tanah air pada 21 Julai lepas. Sebelum ini mereka menjalani pemeriksaan perubatan di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu dan kemudian berehat beberapa hari di ibu negeri.

Francis, Vincent, Lee dan Baln Krishnan dibebaskan kumpulan penculik itu pada malam 20 Julai lepas manakala dua lagi tahanan, Zulkarnain Hashim, 29, dan L/Kpl Abdul Jawah Salawat, masing-masing dilepaskan pada 23 Jun dan pada 14 Julai.

Penculik turut membebaskan seorang wanita Jerman.

Ketika ini kumpulan bersenjata itu masih menahan tiga rakyat Malaysia dan masing-masing dua rakyat Afrika Selatan, Finland, Perancis, Filipina, Jerman serta seorang wanita Lubnan.

Kesemua mereka adalah daripada kumpulan 21 orang yang diculik dari Pulau Sipadan pada 23 April lepas.

Ketiga-tiga rakyat Malaysia itu ialah Fong Yin Ken, 28, Basilius Jim, 28, dan Kua Yu Loong, 21, yang keluarga mereka turut ditemui perdana menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, malam tadi.

Pada pertemuan itu Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah turut menenangkan mereka supaya bersabar sementara menanti anggota keluarga mereka dibebaskan.

Sementara itu Francis, Lee dan Vincent berkata, mereka akan berehat seketika sebelum kembali bekerja.

"Saya mahu berehat dulu bersama keluarga apabila tiba di Semporna sebelum bekerja semula. Majikan saya telah memberi kelonggaran kepada saya mengenai bila masanya yang saya rasa sesuai untuk kembali bekerja," kata Lee.

-- BERNAMA

IL JS NMO